



MALAYSIA mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang sangat erat dengan kedua-dua India dan Pakistan. - AFP

Malaysia amal prinsip diplomasi redakan konflik India-Pakistan

**SITI DARWINDA
MOHAMED
PERO**

KRITIKAN oleh media India terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhubung kenyataannya menawarkan diri sebagai pengantara dalam konflik India-Pakistan, wajar dinilai dengan lebih objektif dan berlandaskan prinsip diplomasi antarabangsa, bukan emosi nasionalisme sempit.

TAWARAN BERDASARKAN PRINSIP DIPLOMASI

Pertama sekali, tawaran Anwar untuk menjadi orang tengah tidak datang daripada kecondongan politik, tetapi daripada prinsip resolusi konflik dan diplomasi damai yang telah lama menjadi tunjang dasar luar Malaysia.

Kenyataan beliau menyebut dengan jelas bahawa Malaysia akan mengemukakan dalam apa jua bentuk serta menyokong

siasatan bebas dan telus bagi mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap serangan pengganas di India. Adakah ini kenyataan yang memihak kepada mana-mana pihak? Tidak. Ia adalah pendirian universal, menolak keganasan, menyeru siasatan dan menawarkan ruang dialog.

SEJARAH HUBUNGAN BAIK DENGAN KEDUA- DUA NEGARA

Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang sangat erat dengan kedua-dua India dan Pakistan.

Hubungan ini merangkumi kerjasama dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, tenaga dan teknologi. Maka, apabila Malaysia menawarkan diri sebagai pengantara, ia bukan kerana kedekatan strategik yang memungkinkan peranan sebagai jambatan antara dua negara Asia Selatan itu.

ISU KASHMIR: PRINSIP KEMANUSIAAN

Tuduhan bahawa Anwar "tidak mengiktiraf kedaulatan

India ke atas Kashmir" kerana menyebutnya sebagai "Kashmir yang ditadbir India" adalah tidak berasas dan tidak akademik.

Istilah itu adalah istilah yang digunakan dalam pelbagai forum antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), merujuk kepada status pentadbiran wilayah berkenaan tanpa menafikan kedaulatan sesebuah negara.

Malah, kenyataan tersebut tidak menyebelahi sebarang sokongan terhadap pemisahan atau meniadakan integriti wilayah India.

Sebaliknya, ia menyuarakan keprihatinan terhadap ketegangan kemanusiaan yang berlaku, sesuatu yang menjadi hak dan tanggungjawab moral bagi mana-mana pemimpin dunia.

MEDIA INDIA PERLU FAHAM KONTEKS

Media India, seperti Firstpost dan wartawan Palki Sharma, dilihat membalas kenyataan Anwar dengan sindiran berat sebelah.

Dalam masa yang sama, mereka enggan mengulas

kenyataan Anwar yang menyeru keamanan, menolak keganasan dan menggesa penyelesaian damai.

Lebih membimbangkan, mereka menggunakan retorik 'tidak mengamalkan di negara sendiri apa yang didakwahkan' sebagai justifikasi, tanpa memperincikan secara spesifik isu apa yang dimaksudkan.

Ini adalah satu bentuk retorik serangan peribadi yang tidak menabih nilai terhadap perbincangan diplomatik.

Kenyataan Anwar juga dibuat sewaktu mengulas penangguhan lawatan rasmi Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif, ke Malaysia pada Jumaat ini maka ia juga perlu dilihat dalam konteks itu.

PERANAN MALAYSIA DALAM DUNIA ISLAM DAN ASIA

Malaysia, sebagai negara majoriti Islam yang sederhana dan dihormati di pentas antarabangsa, mempunyai reputasi yang membolehkan ia memainkan peranan dalam

menyuarakan keadilan dan keamanan.

Pendirian Anwar adalah selaras dengan usaha Malaysia sejak era Tun Abdul Razak lagi, yang menyokong penyelesaian damai dalam konflik serantau termasuk di Vietnam, Myanmar dan Asia Barat.

IBARAT MENAWARKAN JAMBATAN

Malaysia bukan memaksa, apa lagi hanya memihak. Anwar hanya menawarkan ruang dialog berdasarkan hubungan baik dan prinsip kemanusiaan sejagat.

Kritikan yang dilemparkan terhadap beliau seharusnya dilihat dalam konteks realiti geopolitik dan tradisi diplomasi Malaysia yang konsisten.

Apa yang dunia perlukan saat ini bukanlah keberanian unilateral tetapi pendamaian untuk menjadi pendamai.

PROFESOR Madya Dr. Siti Darwinda Mohamed Pero ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan) di Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM).